

Pengecualian cukai kepada pemegang insurans umum

➔ Pelepasan enam peratus diberi ketika tempoh sifar GST

BH 20/12/18

Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya

Kementerian Kewangan bersetuju memberi pengecualian cukai kepada semua pemegang polisi yang sudah membeli atau

cukai sebanyak RM132 juta.

Tertakluk kepada cukai perkhidmatan

Katanya, polisi insurans atau takaful umum itu tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti premium untuk insurans motor, kebakaran dan kema-langan diri.

“Apabila Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) diluluskan pada 1 September lalu, timbul persoalan sama ada perlu untuk mengutip cukai perkhidmatan enam peratus daripada 4.42 juta pemegang polisi itu yang membabitkan implikasi cukai sebanyak RM132 juta.

“Kementerian Kewangan hari ini (semalam) bersetuju untuk



Sekiranya syarikat insurans atau takaful sudah mengenakan cukai perkhidmatan kepada pemegang

Pulangkan semula cukai

“Dalam hal ini, sekiranya syarikat insurans atau takaful sudah mengenakan cukai perkhidmatan kepada pemegang polisi itu, mereka diminta memulangkan semula cukai perkhidmatan yang sudah dibayar kepada pemegang polisi itu,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Guan Eng berkata, polisi insurans dan takaful umum individu dan perniagaan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan mulai 1 September lalu.

“Akta Cukai Perkhidmatan 2018 menghendaki syarikat insurans dan takaful mengenakan cukai perkhidmatan bagi tempoh dilindungi oleh polisi insurans atau takaful umum

memperbaharui polisi insurans atau takaful umum ketika tempoh sifar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dari 1 Jun hingga 31 Ogos lalu.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata langkah pengecualian cukai enam peratus itu dijangka memberi manfaat kepada 4.42 juta pemegang polisi dan menjimatkan pembayaran

memberi pengecualian ke atas semua pemegang polisi individu yang sudah membeli atau memperbaharui polisi insurans atau takaful umum yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti premium untuk insurans motor, kebakaran dan kemalangan diri semasa tempoh sifar GST dari 1 Jun hingga 31 Ogos lalu.

polisi itu, mereka diminta memulangkan semula cukai perkhidmatan yang sudah dibayar kepada pemegang polisi itu”

Lim Guan Eng,
Menteri Kewangan

mulai 1 September lalu.

“Akan tetapi kebanyakan polisi insurans atau takaful umum sudah luput dalam tempoh 1 Jun hingga 31 Ogos lalu.

“Oleh kerana (dalam tempoh itu) SST belum diluluskan dan GST sudah disifarkan, maka polisi insurans atau takaful umum tidak dikenakan cukai perkhidmatan enam peratus,” katanya.